

TARIKH : 8 JANUARI 2016 [JUMAAT]

AKHBAR : HARIAN METRO
(METROPLUS)

M/S: 5

TAJUK : [PORT DICKSON]
PARKIR KHAS 'Foodtruck'

Parkir khas 'Foodtruck'



ANTARA deretan kenderaan peniaga yang diparkir di Pantai Saujana, Batu 4.

■ Dua lokasi dikenal pasti untuk pemilik kenderaan bergerak jalankan perniagaan

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my
Port Dickson

Majlis Perbandaran Port Dickson (MPD) akan menjenamakan semula kawasan letak kenderaan yang sering digunakan peniaga kenderaan

an bergerak atau Foodtruck untuk menjalankan perniagaan mereka.

Yang Dipertua MPPD Datuk Ab Khalid Mat berkata, dua lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan peniaga di kawasan Pantai Saujana, Batu 4 dan Pantai Bagan Pinang, Batu 3, di sini.

"Sebelum ini, MPPD sudah menyediakan kawasan sesuai di dua pantai berkenaan untuk pemilik kenderaan bergerak itu menjalankan perniagaan masing-masing. Namun, mereka masih menggunakan tempat letak kenderaan awam.

"Alasan yang diberikan mereka ialah ruang disediakan terlalu kecil dan tidak mempunyai kemudahan air, elektrik

serta sistem saluran yang sempurna," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

FAKTA
MPPD sudah mengkaji dan menilai kawasan, kemudahan sebelum diberikan kepada peniaga

Beliau berkata, pihaknya sudah mengkaji dan menilai kawasan tertentu termasuk kemudahan disediakan sebelum ia diberikan kepada peniaga terbabit.

Bagaimanapun, Ab Khalid berkata, tindakan sege- lintir peniaga terbabit di-

kesali, malah perbuatan mereka memburukkan lagi keadaan apabila kenderaan diparkir di tempat letak kenderaan awam itu hampir setiap masa selain tidak teratur.

"Tindakan peniaga meninggalkan kenderaan ketika tidak berniaga mencatitkan pemandangan di kedua-dua pantai berkenaan. Kami juga mendapati mereka menggunakan lebih satu lot tempat meletak kenderaan awam," katanya.